

# Malaysia tidak berpihak perang dingin AS, China

**Tokyo:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia sebagai yang neutral tidak akan menjadi sebahagian daripada pemikiran 'perang dingin' di sebalik ketegangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

"Tiada sesiapa, tiada negara harus menentukan (apa yang dilakukan oleh negara lain).

"Kami akan memutuskan sendiri apa yang terbaik untuk negara kami," katanya ketika sesi soal jawab pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan ke-29 (Persidangan Nikkei) di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kedudukan Malaysia dalam konteks persaingan yang semakin meningkat antara dua negara ekonomi besar dunia, AS dan China.

Anwar menegaskan, AS sudah menjadi sekutu tradisional kepada Malaysia sejak kemerdekaan pada 1957.

"Saya telah katakan secara kumulatif, AS masih rakan dagangan dan pelabur terbesar di Malaysia dan semua pemain (industri) besar di AS dialu-

kan (untuk melabur di Malaysia)," katanya sambil menambah negara itu terus sangat agresif dalam mempromosikan pelaburan.

Manakala dalam konteks China, Perdana Menteri berkata, Malaysia mengiktiraf kekuatan ekonomi dan ketenteraan negara itu yang semakin meningkat, malah China disifatkan beliau sebagai jiran penting yang 'terlalu dekat dan terlalu strategik," untuk diabaikan.

"Walaupun saya mengekalkan hubungan sangat baik dengan AS, China, Jepun dan Korea Selatan, saya fikir untuk Malaysia, bagi rantau ini, adalah lebih baik untuk melibatkan diri dengan China," katanya sambil menambah beliau tidak mempunyai dasar 'fobia China'.

## Harap selesaikan perbezaan

Anwar turut menzahirkan harapan supaya China dan AS dapat menyelesaikan perbezaan mereka, selain AS tidak kekal terlalu melindungi dan menghormati daya saing.

"Tetapi itu adalah untuk pemimpin dan penggubal dasar

mereka untuk membuat keputusan terbaik.

"Bagi Malaysia, kita akan terus melibatkan diri dan menganggap AS sebagai sekutu penting dan meningkatkan kerjasama dengan China," katanya.

Berhubung isu dengan China termasuk tuntutan wilayah di Laut China Selatan, Anwar berkata ada forum khusus untuk menangani perkara itu.

Begitu juga, katanya, walaupun Malaysia mempunyai masalah dengan AS, ini tidak bermakna memutuskan hubungan yang terjalin.

"Apabila saya memegang jawatan Pengerusi ASEAN, saya akan menyeru agar negara-negara anggota mengambil pendirian sama, supaya secara pelbagai hala, kita boleh melibatkan diri dengan negara jiran termasuk China untuk mencari penyelesaian secara baik terhadap perbezaan," katanya.

Terdahulu dalam ucapan tamanya, Anwar menyeru negara Asia memperkukuhkan lagi kerjasama bagi mewujudkan sebuah rantau yang aman, stabil dan makmur.

"Kita mesti berdiri bersama, tidak membenarkan kuasa luar mahupun persaingan berbahaya menarik kita daripada mat-

lamat lebih besar, dan ia (matlamat itu) sudah tentu (untuk menjadikan) Asia yang aman, stabil dan makmur," katanya.